

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 21**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan terkini projek televisyen satelit di negeri-negeri di Pantai Timur dan apakah kekangan bagi merealisasikan projek berkenaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pendigitalan penyiaran nasional sedang berada di peringkat ujian perkhidmatan siaran di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah sejak April 2015 sehingga Disember 2015. Ujian penyiaran ini telah dipancarkan daripada empat (4) tapak pemancar TV seperti berikut:

- i) Bukit Pelindung, Pahang pada 27 April 2015;
- ii) Bukit Besar, Terengganu pada 30 April 2015;
- iii) Bukit Bakar, Kelantan pada 3 Mei 2015; dan
- iv) Bukit Karatong, Sabah pada 6 Ogos 2015.

## SOALAN NO: 21

Semasa tempoh fasa ujian, syarikat MYTV telah mengagihkan set percubaan '*Customer Premise Equipment*' (CPE) terdiri daripada 'Set-Top-Box' (STB), 'Remote Control Unit' (RCU), 'Portable Indoor Antenna' atau 'Fixed Rooftop Antenna' (FRT) kepada isi rumah yang dikenal pasti di dalam kawasan liputan pemancaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sejumlah 7 saluran TV percuma iaitu TV1, TV2, TV3, NTV7, 8TV, TV9 dan TV Al Hijrah telah disiarkan dalam tempoh ujian ini. Kesemua saluran TV ini menyalurkan siaran dalam format *Standard Definition* (SD) kecuali TV Al Hijrah dalam format *High Definition* (HD).

Manakala bagi Pembinaan Hab Digital Multimedia (*Digital Multimedia Broadcasting Hub*) di Cyberjaya dan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) di Shah Alam pula dijangka siap pada suku keempat 2015. Syarikat MyTV dijadualkan untuk menyediakan liputan siaran TV digital sehingga 85% ke kawasan berpenduduk pada penghujung 2015.

Kerajaan melalui RTM telah bersedia dengan fasiliti sistem '*play-out*' untuk tujuh (7) saluran serta sistem HbbTV untuk aplikasi interaktif dan EPG. Untuk pemancaran siaran TV digital pihak MyTV memaklumkan sedang berusaha menyiapkan infrastrukturnya dan dijangka mula beroperasi awal tahun 2016.

Manakala daripada aspek kandungan pula, RTM juga telah bersedia dengan konsep saluran baharu. Malah perancangan perolehan tahun 2016 juga telah mengambil kira pengisian saluran baharu. Selain itu,

**SOALAN NO: 21**

RTM juga telah bersedia dengan perancangan penyelarasan sumber manusia jika saluran-saluran baharu diwujudkan.

Permohonan bajet peruntukan tambahan untuk membiayai kandungan saluran baharu digital juga telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.